| 11. | EBS 3063 | K-Ekonomi<br>*(Prasyarat EBM 1013 atau EBM 1023 atau EBM 1063)* | 3 | 1 |
| 12. | EBM 3023 | Keusahawanan, Pembangunan dan Inovasi | 3 | 2 |

Berikutnya adalah antara syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai panduan pelajar terlibat:
I. Ditawarkan kepada pelajar fakulti lain dan diwajibkan mengikuti 3 kursus (9 kredit).
Pemilihan kursus-kursus diberikan keatas permintaan masing-masing. Untuk kursus-kursus yang mempunyai pra-syarat tertentu, pelajar dikehendaki menghabiskan dulu pra-syarat untuk kursus tersebut sebelum dibenarkan untuk mendaftar kursus yang mempunyai pra-syarat tersebut.

**FAKULTI KEJURUTERAAN**

Program Kejuruteraan Sivil

| Kod Kursus | Nama Kursus | Jumlah Kredit | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| KNS 1013 | Statik/ *Statics* | 3 | 1 |
| KNS 1043 | Bahan Kejuruteraan Sivil | 3 | 1 |
| | *Civil Engineering Materials* | | |
| KNS 1063 | Kekuatan Bahan<br>*Strength of Materials* | 3 | 2 |

Program Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan

| Kod Kursus | Nama Kursus | Jumlah Kredit | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| KNJ 1013 | Statik<br>*Statics* | 3 | 1 |
| KNJ 1042 | Kejuruteraan Bahan I | 2 | 1 |
| | *Engineering MaterialsI* | | |
| KNP 2013 | Teknologi Pembuatan | 3 | 2 |
| | *Manufacturing Technology* | | |
| KNP 4092 | Rekabentuk Kejuruteraan<br>Engineering Design | 2 | 1 |

Program Kejuruteraan Elektronik & Telekomunikasi/ Program Kejuruteraan Elektronik & Komputer

| Kod Kursus | Nama Kursus | Jumlah Kredit | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| KNL 1023 | Teori Litar / *Circuit Theory* | 3 | 1 |
| KNL 1053 | Elektronik Analog / *Analog Electronics* | 3 | 2 |
| KNL 1253 | Elektronik Digital | 3 | 2 |
| | *Digital Electronics* | | |

## FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

| Bil | Kod Kursus | Nama Kursus | Jumlah Kredit | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | KMS 1023 | Pengurusan Sumber Manusia / *Human Resource Management* | 3 | 1 |
| 2 | KMS 1033 | Pembangunan Sumber Manusia / *Human Resource Development* | 3 | 2 |
| 3 | KMS 2023 | Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan / *Design and Management of Training Programmes* | 3 | 2 |
| 4 | KMS 2043 | Kaunseling dan Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi / *Counseling and Career Development in Organisations* | 3 | 1 |
| 5 | KMS 2053 | Teknologi Pendidikan / *Educational Technology* | 3 | 2 |
| 6 | KMS 2083 | Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia / *Planning Recruitment, Selection and Human Resource* | 3 | 1 |
| 7. | KMS 2073 | Pengurusan Pampasan dan Faedah / *Compensation and Benefits Management* | 3 | 1 |
| 8. | KMS 3033 | Pengurusan Prestasi / *Performance Management* | 3 | 1 |
| 9. | KMK 1013 | Neurosains Kognitif / *Cognitive Neuroscience* | 3 | 2 |
| 10. | KMK 2053 | Ergonomik Kognitif / *Cognitive Ergonomics* | 3 | 1 |
| 11. | KMK 3043 | Kognisi dan Pembelajaran / *Cognition and Learning* | 2 | 1 |
| 12. | KMF 1013 | Pengenalan Sains Kognitif / *Introduction to Cognitive Science* | 3 | 1 |
| 13. | KMF 1023 | Psikologi Kognitif / *Cognitive Psychology* | 3 | 2 |
| 14. | KMF 2043 | Kognisi dan Tingkahlaku / *Cognition and Behaviour* | 3 | 1 |
| 15. | KMP 1013 | Guru dan Proses Pengajaran – Pembelajaran / *Teacher and The Teaching - LearningProcess* | 3 | 1 |
| 16 | KMP 2013 | Pengukuran dan Penilaian / *Measurement and Evaluation* | 3 | 1 |

*Program Muzik*

| Kod Kursus | Nama Kursus (B. Melayu & B. Inggeris) | Jumlah Kredit | Semester ditawarkan |
|---|---|---|---|
| GKM 1043 | Pengenalan Muzik<br>**Introduction to Music** | 3 | 1 |

*Program Pengurusan Seni*

| Kod Kursus | Nama Kursus (B. Melayu & B. Inggeris) | Jumlah Kredit | Semester ditawarkan |
|---|---|---|---|
| GKP 1043 | Komunikasi Dalam Seni<br>**Communication in the Arts** | 3 | 2 |
| GKP 2053 | Gelagat Manusia Dalam Organisasi<br>**Human Behaviour in the Organization** | 3 | 1 |
| GKP 2073 | Pengajian Warisan Dan Budaya<br>**Cultural and Heritage Studies** | 3 | 1 |

**Fakulti Sains Teknologi dan Sumber Manusia**

| Bil | Kod Kursus | Nama Kursus | Jumlah Kredit | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | STB1013 | Biologi Sel/*Cell Biology* | 3 | 1 |
| 2 | STB2033 | Fisiologi Am/*General Physiology* | 3 | 1 |
| 3 | STB1042 | Mikrobiologi Asas/*Basic Micriobiology* | 2 | 2 |
| 4 | STB1073 | Pengantar Bioteknologi/*Introduction to Biotechnology* | 3 | 2 |
| 5 | STB3092 | Isu-isu Sosial Dalam Bioteknologi/*Social Issues In Biotechnology* | 2 | 2 |
| 6 | STK2032 | Kimia Atmosfera/*Atmospheric Chemistry* | 2 | 1 |
| 7 | STK3012 | Sistem Pengurusan Alam Sekitar/*Environmental Management System* | 2 | 1 |
| 8 | STK1093 | Kimia Analisis/*Analytical Chemistry* | 3 | 2 |
| 9 | STK2062 | Kimia Akuatik/*Aquatic Chemistry* | 2 | 2 |
| 10 | STF1054 | Biodiversiti/*Biodiversity* | 4 | 1 |
| 11 | STH3023 | Biologi Pemuliharaan/*Conservation Biology* | 3 | 1 |
| 12 | STH3032 | Pengurusan Haiwan Kurungan/*Captive Animal Management* | 2 | 2 |
| 13 | STT3062 | Pengurusan Ladang Tanaman/*Plantation Crop Management* | 2 | 1 |
| 14 | STT2013 | Etnobotani/*Ethnobotany* | 3 | 2 |
| 15 | STA2023 | Vertabrata Akuatik/*Aquatic Vertebrate* | 3 | 1 |
| 16 | STA3012 | Isu-isu Semasa Pemantauan Biologi/*Current* Issues On Coastal Biomonitoring | 2 | 1 |
| 17 | STS3112 | Isu-isu Semasa Sains Biologi/*Current Issue In Biological Science* | 2 | 2 |

*FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF*

**Program Seni Halus**

| Kod Kursus | Nama Kursus (B. Melayu & B. Inggeris) | Jumlah Kredit | Semester ditawarkan |
|---|---|---|---|
| GKF1013 | Asas Fotografi<br>**Basic Photography** | 3 | 1 |
| GKK1013 | Pengenalan Seramik<br>**Introduction to Ceramic** | 3 | 1 |

**Program Sinematografi**

| *Kod Kursus* | Nama Kursus (B. Melayu & B. Inggeris) | Jumlah Kredit | Semester ditawarkan |
|---|---|---|---|
| GKS1013 | Pengenalan Sinema<br>*Introduction to Cinema* | 3 | 1 |
| GKS1043 | Sinema Malaysia<br>**Malaysian Cinema** | 3 | 2 |
| GKS2063 | Sinema Asia<br>**Asian Cinema** | 3 | 1 |

*Program Drama & Teater*

| Kod Kursus | Nama Kursus (B. Melayu & B. Inggeris) | Jumlah Kredit | Semester ditawarkan |
|---|---|---|---|
| GKD 1023 | Pengenalan Drama dan Teater<br>**Introduction to Drama and Theatre** | 3 | 1 |

***Program Teknologi Seni Reka***

| Kod Kursus | Nama Kursus (B. Melayu & B. Inggeris) | Jumlah Kredit | Semester ditawarkan |
|---|---|---|---|
| GKG1013 | Seni Reka Grafik: Elemen dan Proses<br>**Graphic Design: Element and Processes** | 3 | 1 |
| GKG1033 | Pengenalan Media Digital<br>**Introduction to Digital Media** | 3 | 2 |
| GKL1023 | Seni Reka Tekstil dan Fesyen I<br>**Textile and Fashion Design I** | 3 | 1 |
| GKL1103 | Illustrasi Fesyen<br>**Illustration Fashion** | 3 | 1 |
| GKR1143 | Asas Teknik Visualisasi<br>**Visualisation Basic Techniques** | 3 | 1 |
| GKR1153 | Pengenalan Proses Reknan<br>**Introduction toDesign Process** | 3 | 2 |

**FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSKTM)**

| Kod Kursus | *Nama Kursus* | Jumlah Kredit | Sem. ditawarkan | |
|---|---|---|---|---|
| TMC1413 * | Pengantar Pengaturcaraan *Introduction to Programming* | 3 | 1 | |
| TMC1433 * | Algorithma dan Struktur Data/*Data Structures & Algorithms* | 3 | 2 | Pra-syarat TMC1413 |
| TMP1613 | Teknologi Multimedia / *Multimedia Technology* | 3 | 2 | |
| TMC1013 | Kaedah Analisis & Rekabentuk Sistem / *System Analysis & Design Method* | 3 | 2 | |
| TMC2033 | Konsep & Rekabentuk Pangkalan Data / *Database Concept & Design* | 3 | 1 | Pra-syarat TMC1013 |
| TMC2013 | Pengaturcaraan Visual Menggunakan Visual Basic / *Visual Programming using Visual Basic* | 3 | 1 | Pra-syarat TMC1413 |
| TMC1253 | Komunikasi & Rangkaian Komputer / *Communications & Computer Networks* | 3 | 1 | |
| TME2013 | Kejuruteraan Perisian dan Pembangunan Aplikasi / *Software Engineering and Applications Development* | 3 | 1 | Pra-syarat TMC1433 |
| TMT2073 * | Kepintaran Buatan / *Artificial Intelligent* | 3 | 2 | Pra-syarat TMC1433 |
| TMI3053* | Interaksi Manusia Komputer / *Human Computer Interaction* | 3 | 2 | Pra-syarat TMC2013 |

- Pelajar Sains Kognitif dari FSKPM tidak dibenarkan mengambil pelengkap Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) untuk kursus *

- Pelajar lain boleh mengambil mana-mana kursus pelengkap FSKTM dengan memenuhi kursus prasyarat seperti yang dinyatakan di atas.

Pelajar FSKTM boleh mengambil mana-mana kursus yang di tawarkan oleh FSKTM yang bukan terdiri daripada program sendiri kecuali kursus TMP2613, TMP2013, TMP2213, TMP2413 dan TMP2713

**Pelengkap Kesusasteraan Dalam Bahasa Inggeris**

| | Nama Kursus | Jumlah Kredit | Sem. Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| | Introduction to Linguistics /**Pengantar Linguistik** | 3 | 1 |
| | Psycholinguistics /**Psikolinguistik** | 3 | 1 |
| | Sociolinguistics / **Sosiolinguistik** | 3 | 2 |

| | *Nama Kursus* | Jumlah Kredit | Sem. Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| | ***Wajib (3 Kredit)*** | | |
| | ***Introduction to Literature*** Pengenalan Kepada Kesusasteraan | 3 | 1 |
| **Pilihan (6 Kredit)** | | | |
| | *Literature in English : The Short Story* Kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris : Cerpen | 3 | 2 |
| | *Literature in English : The Novel* Kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris : Novel | 3 | 1 |
| | *Literature in English : The Poem* Kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris : Sajak | 3 | 2 |
| | *Literature in English : The Play* Kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris : Drama | 3 | 1 |

**Pelengkap Bahasa Ketiga (Pilihan Bahasa Arab atau Bahasa Jepun)**

**Penting- Pelajar perlu lulus peringkat awal (prasyarat) sebelum boleh mendaftar peringkat berikutnya.**

*Bahasa Arab*

| | *Nama Kursus* | Jumlah Kredit | Sem. Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| | ***Bahasa Arab Peringkat 1*** | 3 | * |
| | ***Bahasa Arab Peringkat 2*** | 3 | * |
| | ***Bahasa Arab Peringkat 3*** | 3 | * |

**Bahasa Jepun** sebulan.

| | *Nama Kursus* | Jumlah Kredit | Sem. Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| | ***Bahasa Jepun Peringkat 1*** | 3 | * |
| | ***Bahasa Jepun Peringkat 2*** | 3 | * |
| | ***Bahasa Jepun Peringkat 3*** | 3 | * |

*- Akan Ditentukan

## 9. Sistem Mentor-Mentee

### 9.1 Matlamat

Unimas sentiasa memberi keutamaan kepada kecemerlangan akademik serta pembangunan sahsiah setiap pelajar. Salah satu pendekatan yang boleh membantu untuk merealisasikan matlamat tersebut ialah dengan mewujudkan hubungan dua hala antara pelajar dan pengajar di setiap fakulti melalui sistem mentor – mentee. Melalui sistem ini, pelajar (sebagai mantee) diberi bimbingan dan nasihat oleh mentor (ahli akademik) dalam berbagai aspek terutamanya yang berkaitan dengan hal ehwal akademik. Sistem ini juga mengambil berat terhadap bimbingan lain yang diperlukan oleh pelajar untuk mengharungi cabaran bukan sahaja sebagai seorang pelajar tetapi juga sebagai seorang remaja yang menghadapi perubahan psikologi dan identity. Mentor memainkan peranan yang penting sebagai *Penasihat* (Advisor) dan juga *Contoh Teladan Baik* (Possitive Role Model) kepada mentee dalam berbagai aspek. Keberkesanan sistem ini amatlah bergantung kepada komitmen serta kerjasama di antara kedua-dua pihak.

### 9.2 Tugas-tugas mentor adalah seperti berikut:

- Membuat perjumpaan dengan mentee – sekurang-kurangnya 2-3 kali sebulan.
- Memantau kemajuan akademik serta perkembangan semasa setiap mentee.
- Mendengar serta memberi bimbingan kepada mantee sekiranya bermasalah.
- Menjaga perkara-perkara yang sulit mengenai mentee.
- Merujuk mentee kepada pakar-pakar yang sesuai berhubung penyelesaian masalah-masalah yang khusus.
- Membantu mentee membuat keputusan dalam hal perancangan akademik dan kerjaya.
- Menjaga hubungan baik dengan mentee supaya sistem mentor-mentee ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- Menyerah slip keputusan peperiksaan kepada mentee pada setiap semester.

### 9.3 Tugas-tugas mentee adalah seperti berikut:

- Membuat temujanji dengan mentor sekurang-kurang 2-3 kali
- Meminta khidmat nasihat dan bimbingan daripada mentor sekiranya menghadapi kemusykilan.
- Bertanggungjawab terhadap kemajuan akademik dan pembangunan sahsiah.
- Membuat tindakan susulan terhadap cadangan dan nasihat dari mentor.
- Menjaga hubungan baik dengan mentor supaya perlaksanaan sistem mentor-mentee ini menjadi lebih berkesan.
- Mengambil slip keputusan peperiksaan dari mentor pada setiap semester.

Perlaksanaan sistem mentor-mentee memberi banyak faedah kepada pelajar, pensyarah dan universiti. Mentor dapat mengenali pelajar dengan lebih dekat dan proses interaksi ini membolehkan mereka saling memahami dan hormat menghormati antara satu sama lain. Di samping itu, proses perbincangan serta cadangan dari kedua-dua pihak secara tidak langsung telah dapat membantu memantapkankan lagi kerjaya pensyarah dan juga pelajar.

## 10. PANDUAN DAN PERATURAN PROGRAM PENEMPATAN INDUSTRI

### 10.1 Pendahuluan

Latihan industri adalah program latihan yang diwajibkan kepada semua pelajar yang berdaftar di bawah Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas). Pelajar dikehendaki lulus di dalam latihan ini sebelum mereka dibenarkan bergraduat mengikut ketetapan Universiti.

Secara langsung, latihan ini memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan apa yang telah dipelajari di kampus. Pengalaman praktikal yang diperolehi semasa menjalani latihan adalah penting bagi menghasilkan graduan Unimas yang berpandangan jauh dan realistik.

Program Latihan Industri ini juga adalah salah satu usaha Universiti untuk merapatkan hubungan di antara Universiti dengan organisasi dan agensi-agensi kerajaan. Melalui hubungan ini, kedua-dua pihak boleh mendapat faedah dan memberi sumbangan positif kepada pembangunan institusi masing-masing.

### 10.2 Definisi

***Latihan Industri*** "adalah program latihan luar kampus yang diwajibkan kepada semua pelajar yang berdaftar di bawah Fakulti Sains Sosial, Unimas".

***Program Fakulti*** "enam program kajian yang berada di bawah Fakulti Sains Sosial iaitu Kajian Komunikasi, Kajian Khidmat Sosial, Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan, Program Perancangan dan Pembangunan, Kajian Politik dan Pemerintahan, dan Kajian Antarabangsa".

***Fakulti Sains Sosial*** "salah satu fakulti yang terdapat di Unimas yang mana di bawah pentadbirannya terdapat enam program kajian yang ditawarkan kepada pelajar yang berdaftar di bawah fakulti". Fakulti Sains Sosial diterajui oleh Dekan Fakulti.

***Penyelia dan Penyeliaan*** "penyelia dan penyeliaan adalah tanggungjawa fakulti dan agensi latihan. Tanggungjawab penyelia agensi adalah memastikan serta menunjuk ajar pelajar supaya dapat mengendalikan tugas yang diberikan sebaik mungkin. Penyelia dari fakulti pula adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah fakulti yang bertanggungjawab memastikan pelajar mempunyai aktiviti bersesuaian sepanjang tempoh Latihan Industri dan memberi gred pelajar berdasarkan kriteria-kriteria penilaian yang telah ditetapkan fakulti.

***Penyelaras Program*** adalah individu yang bertanggungjawab memastikan kelancaran program fakulti dari segi pembelajaran, beban tugas dan seliaan.

***Kredit*** "program Latihan Industri ini diberi nilai kredit 3 (TIGA) bagi semua program kajian fakulti.

**Pengecualian** *Latihan Industri adalah WAJIB kepada semua pelajar yang berdaftar di fakulti. Tidak ada pengecualian diberikan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu, permohonan pengecualian akan diberikan pertimbangan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti.*

***'Practicum Learning Contract'*** merupakan perjanjian awal yang dibuat antara pelajar dengan fakulti/agensi yang dipilih di mana latihan industri dijalankan. Perjanjian ini merupakan perjanjian pelajar untuk bertanggungjawab dan bersetuju untuk menjalankan latihan mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi yang dipilih. Keperluan untuk perjanjian ini adalah seperti yang dilampirkan.

## 10.3 Objektif

- Objektif utama penempatan industri adalah untuk memberi pengalaman dan pendedahan kepada para pelajar serta membiasakan diri mereka dengan dunia pekerjaan, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan Sains Sosial.
- Membolehkan pelajar mendapat peluang melibatkan diri dalam kerja-kerja lapangan di agensi-agensi yang menawarkan perkhidmatan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk bekerja sebagai pelatih di bawah penyeliaan pegawai yang telah ditentukan, terlatih dan berpengalaman.
- Membolehkan para pelajar menjalankan kerja-kerja kes yang minimum tetapi pelbagai dan bersesuaian dengan kehendak agensi terlibat.

## 10.4 Tempoh Petempatan

Setiap program, tempoh program Latihan Industri ini adalah minima 8 (lapan) minggu, ataupun berdasarkan keperluan program. Latihan Industri ini akan dijalankan pada awal antar sesi dan hanya terhad kepada pelajar-pelajar tahun dua fakulti. Adalah dicadangkan supaya pelajar ditempatkan dipelbagai bahagian organisasi yang difikirkan sesuai dengan bidang pengkhususan pelajar.

## 10.5 Tindakan Aktiviti

### 10.5.1 Sebelum Petempatan

Sebelum pelajar memulakan program Latihan Industri, para pelajar akan diberikan penerangan oleh Penyelaras Program masing-masing tentang program latihan. Pada peringkat ini, para pelajar dibenarkan mencari organisasi atau agensi pilihan masing-masing berdasarkan minat dan bidang masing-masing.

Penyelaras program akan menghubungi agensi terbabit melalui surat/faks/ telefon bagi meminta kebenaran pelajar mengadakan program Latihan Industri sekaligus mengenalpasti penyelia yang akan bertugas menyelia kemajuan pelajar di agensi. Untuk tindakan, penyelaras program dicadangkan menghubungi agensi pada awal semester kedua.

Pelajar hendaklah memastikan mereka mempunyai borang penilaian agensi, rekod tugasan dan buku log (aktiviti mingguan) untuk penilaian dan maklumbalas kepada pelajar.

Pelajar hendaklah melaporkan diri di agensi dan kepada pegawai penyelia yang telah ditetapkan agensi. Pada peringkat ini, pelajar akan diberikan beberapa panduan asas Latihan Industri berserta borang penilaian untuk diserahkan kepada penyelia bagi tujuan penilaian. Penyelia akan bertanggungjawab selama mana pelajar menjalani Latihan Industri mereka.

**10.5.2 Semasa Petempatan**

Selepas ditempatkan di bahagian masing-masing, pelajar hendaklah menghubungi fakulti atau penyelaras program bagi tujuan perhubungan. Nombor telefon dan nama penyelia diperlukan kerana penyelaras program dibantu pensyarah akan menghubungi penyelia bagi mengetahui perkembangan latihan pelajar terbabit.

Para pelajar juga dikehendaki selalu berbincang tentang tugas dan tanggungjawab dengan penyelia. Mengikut keperluan program fakulti, para pelajar dikehendaki mematuhi semua keperluan tersebut bagi mengelakkan mereka gagal semasa latihan. Pelajar juga dikehendaki menyertakan perancangan tugas yang telah dipersetujui di antara pelajar dan penyelia. Perancangan ini akan disemak oleh pensyarah atau penyelaras program dan mungkin dipinda jika perlu. Walau bagaimanapun, semua pindaan ini tertakluk kepada persetujuan semua pihak yang terbabit.

Sebagai satu rekod yang akan dijadikan kenyataan kehadiran pelajar di petempatan, pelajar hendaklah mencatatkan segala tugasan harian mereka di dalam buku log Latihan Industri.

**10.5.3 Sesudah Petempatan**

Sebelum pelajar menamatkan Latihan Industri, penyelaras program sebaiknya menghubungi penyelia dan pelajar dengan maksud mengetahui perkembangan latihan pelajar.

Para pelajar dikehendaki memastikan penyelia telahpun selesai mengisi borang penilaian bagi mengelakkan timbulnya masalah kemudian nanti.

Setiap pelajar dikehendaki menyediakan laporan Latihan Industri masing-masing dan dikehendaki mengemukakan kepada fakulti dalam tempoh 2 (DUA) minggu berserta buku log setelah menamatkan

latihan masing-masing. Laporan hendaklah disediakan mengikut format yang telah ditentukan fakulti.

**10.6 Penyelia dan Penyeliaan / Peranan Agensi**

Cadangan latihan terperinci adalah sukar dirumuskan memandangkan aktiviti kerja setiap agensi adalah berbeza dan tertakluk kepada faktor tertentu. Oleh yang demikian, fakulti berharap agensi yang menerima pelajar dapat menyediakan satu perancangan program latihan dengan kerjasama fakulti.

Penyelia fakulti seharusnya membuat janjitemu dengan penyelia agensi berkaitan, berjumpa penyelia agensi dan pelajar, serta memberikan penerangan lanjut tentang fakulti jika agensi menerima pelajar buat kali pertama.

Penyelia fakulti juga sebaiknya mendapatkan maklumat mengenai aktiviti pelajar, prestasi dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh pelajar.

Penyelia agensi pula bertanggungjawab kepada organisasinya terhadap tugas-tugas yang dikendalikan oleh pelajar dan mengadakan sesi perbincangan dengan pelajar. Sekiranya penyelia agensi bercuti atas sebab-sebab tertentu, pegawai terkanan dicadangkan mengambil alih tugas penyeliaan.

Di peringkat agensi, penyelia perlu membuat persediaan menerima pelajar sesuai dengan tanggungjawab sebagai seorang profesional. Penyelia digalakkan mengadakan perbincangan dengan semua kakitangan mengenai tujuan dan matlamat pelajar. Penyelia perlu memperkenalkan pelajar dengan semua kakitangan agensi.

**10.7 Tanggungjawab Pelajar / Peringatan kepada Pelajar**

*10.7.1 Penginapan* : pelajar adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan tempat tinggal sendiri. Fakulti tidak bertanggungjawab mengenai tempat tinggal pelajar. Walau bagaimanapun, fakulti akan memberikan pertimbangan wajar dari segi jarak dan lokasi di antara tempat tinggal pelajar dengan organisasi dimana pelajar ditempatkan.

*10.7.2 Waktu Latihan* : pelajar hendaklah mematuhi waktu kerja agensi atau waktu pejabat yang telah ditetapkan oleh agensi / organisasi dimana pelajar melakukan Latihan Industri. Pelajar tidak dibenarkan bekerja kurang dari waktu yang ditetapkan, ataupun berada di luar agensi pada waktu pelajar seharusnya melakukan Latihan Industri.

*10.7.3 Cuti Pelepasan* : pelajar tidak dibenarkan mendapat sebarang cuti dalam tempoh Latihan Industri kecuali cuti sakit atau pun cuti umum. Bagi kes cuti sakit, pelajar hendaklah mengemukakan bukti melalui surat kebenaran doktor yang diterima oleh universiti. Pelajar hendaklah menyerahkan sijil cuti sakit tersebut kepada agensi dan satu salinan kepada fakulti.

*10.7.4 Keselamatan Pelajar* : pada setiap masa, pelajar hendaklah menjaga keselamatan diri pelajar.

*10.7.5 Disiplin* : pada setiap masa, pelajar hendaklah menjaga disiplin sesuai dengan peraturan universiti. Pelajar hendaklah patuh kepada disiplin dan

peraturan-peraturan yang telah ditetapkan fakulti dan agensi dimana pelajar ditempatkan. Pelajar mungkin akan digagalkan jika pelajar melanggar disiplin.

*10.7.6 Maklumat-maklumat Rahsia* : pada setiap masa, pelajar hendaklah menjaga sebarang maklumat yang dianggap rahsia yang diperolehi sewaktu menjalani Latihan Industri. Maklumat ini hendaklah disimpan dan tidak boleh dihebahkan tanpa kebenaran organisasi berkenaan. Dalam situasi tertentu, pelajar mungkin perlu menandatangani akujanji sebagai tanda pengakuan pelajar menjaga maklumat-maklumat rahsia.

*10.7.7 Lain-lain*
Memaklumkan kepada Fakulti, melalui Penyelaras Program, alamat tempat latihan serta nombor telefon dimana pelajar boleh dihubungi semasa latihan atau semasa kecemasan.

Melaporkan kepada Fakulti sekiranya terdapat masalah yang memerlukan penyelesaian dari pihak Universiti.

Berbincang dengan pegawai yang berkenaan, selaku penyelia kepada pelajar semasa tempoh latihan, bagi merancangkan program latihan (jadual tugasan) yang sesuai.

Mengemukakan satu salinan jadual program latihan kepada Penyelaras Program selewat-lewatnya pada minggu kedua latihan. Pengesahan daripada penyelia diperlukan.

Menjalani latihan mengikut jadual kerja yang telah dipersetujui oleh pelajar dan pihak penyelia/agensi.

Penyesuaian Diri dan Pembentukan Peribadi : pelajar hendaklah menganggap Latihan Industri sebagai peluang untuk membentuk sikap dan peribadi terhadap kerja dan dapat mengendalikan kerja secara profesional. Pelajar juga seharusnya dapat menyesuaikan diri dengan kehendak majikan/agensi termasuklah pergaulan dengan pekerja-pekerja di semua peringkat dan situasi.

## 10.8 Pembelajaran Terganggu (Blocking Progress) Semasa Petempatan Industri.

Semasa petempatan industri, kadangkala berlaku situasi apabila pelajar menghadapi jalan buntu (block). Sekiranya ini berlaku, Penyelia dan Penyelaras Program perlu membantu mengatasi masalah tersebut. Antara faktor terjadinya situasi berkenaan adalah : kurangnya pengetahuan dan persediaan pelajar mengenai hal yang sedang dikendalikan, kurangnya pemahaman, kurangnya kemahiran, tidak berkeyakinan dan berlakunya gangguan peribadi.

## 10.9 Penilaian

Program Latihan Industri ini dianggap sama seperti kursus-kursus teras fakulti yang lain. Oleh itu, program Latihan Industri ini juga akan dinilai seperti kursus teras fakulti.

Gred LULUS / GAGAL akan ditentukan oleh penyelia agensi yang telah dikenalpasti oleh agensi berkenaan.

**11. Penyediaan Laporan**

Laporan Latihan Industri pelajar adalah penting dan menjadi aspek utama penilaian latihan ini. Oleh itu, pelajar hendaklah memastikan kualiti laporannya terjamin.

Pelajar perlu mengemukakan dua (2) jenis laporan setelah menamatkan Latihan Industri. Laporan tersebut adalah seperti berikut:

Buku Log – Buku log ini akan mengandungi maklumat berkenaan dengan kerja-kerja yang dilakukan pada setiap minggu latihan dijalankan. Maklumat penting dalam buku log mungkin merangkumi apa yang dibuat, siapa yang terlibat, dan bagaimana tugas itu dilakukan. Buku Log perlu disahkan oleh Penyelia Agensi.

Laporan agensi adalah laporan tempat Pelajar menjalani latihan industri. Secara ringkas aianya mengenai misi organisasi berkenaan, struktur organisasi serta tugas/peranan yang dilakukan oleh organisasi.

Kriteria-kriteria di bawah boleh digunakan sebagai panduan untuk anda menyediakan laporan tersebut.

- Apakah struktur agensi tersebut?
- Tujuan agensi ditubuhkan?
- Daripada manakah sumber kewangan diperolehi?
- Apakah sumber-sumber luar yang digunakan oleh agensi? Apakah hubungan agensi dengan agensi-agensi yang lain?
- Apakah suasana kerja di agensi tersebut? Adakah menyenangkan, kurang selesa, melemahkan atau menyeronokan?
- Apakah yang perlu diubahsuai sekiranya anda diberi peluang?.

Setiap laporan sebaiknya disertakan dengan ringkasan eksekutif (executive summary) dan satu halaman yang mempunyai nama pelajar dan agensi dimana pelajar melakukan latihan.

Laporan hendaklah disediakan mengikut piawaian penulisan akademik. Oleh itu, pelajar wajib memelihara mutu bahasa, struktur ayat, ketepatan makna dan fakta, dan ketepatan maklumat. Pelajar-pelajar boleh merujuk kepada contoh-contoh laporan Latihan Industri yang lepas di Fakulti berdasarkan program masing-masing.

**12. Penghargaan Kepada Organisasi / Agensi**

Satu surat penghargaan akan dihantar kepada agensi sebaik sahaja pelajar tamat melakukan Latihan Industri. Penghantaran surat penghargaan ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Fakulti dan ditandatangani oleh Dekan.

## 13. Lain-lain

Untuk penetapan dan pemilihan organisasi / agensi, pelajar hanya dibenarkan memilih hanya SATU (1) agensi pilihan.

Penilaian untuk gred Latihan Industri adalah berdasarkan tiga komponen penilaian iaitu laporan penilaian penyelia, laporan penilaian penyelaras Program dan laporan akhir pelajar.

Laporan Penilaian Penyelia akan disediakan oleh penyelia yang dilantik oleh agensi petempatan pelajar. Walau bagaimanapun, skema penilaian akan ditentukan oleh fakulti. Aspek-aspek yang akan dinilai ialah pencapaian matlamat, kemampuan pelajar, tatacara kerja dan lain-lain komen yang berkaitan. Laporan ini hendaklah diserahkan kepada Penyelaras Program untuk seterusnya diajukan kepada Dekan fakulti untuk tujuan penggredan.

Setiap pelajar akan diberikan seorang penyelia fakulti dari program kajian masing-masing. Penyelia-penyelia ini akan memastikan kemajuan pelajar semasa melakukan Latihan Industri. Dimana perlu, lawatan akan dilakukan bagi mengadakan perbincangan lanjut bersama-sama penyelia agensi.

## 14. PENTADBIRAN UNIMAS & FAKULTI

### 14.1 Staf Utama Unimas

**Naib Canselor**
Prof. Yusuf Hadi
BSc (Hawaii), MFS (Yale), PhD (Brit Col)



**Timbalan Naib Canselor Pembangunan**
Prof. Khairuddin Ad Hamid
BEng Hons (UTM) MSc (Hawaii) PhD (Essex)



**Timbalan Naib Canselor Akademik**
Prof. Abdul Rashid Abdullah
BSoc Sc Hons (USM), MSc (Cornell) , PhD (Hull)



**Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar**
Prof. Hj Sulaiman Hj Hanapi
MSc (ITB), PhD (Manchester)



**Pendaftar**
Prof. Madya Dr. Hamsawi Sani
BSc (UPM), MSc (Iowa State), PhD (Aberdeen)



**Bendahari**
Kamariah Mohd Janor
ACIS ACMA (London)



## 14.2 Staf Akademik Fakulti

**Dekan**
Prof. Madya Dimbab Ngidang
PhD. (Wisconsin-Madison) 93, MS (Iowa) 83, B. Sc (UPM) 79, Dip. (UPM) 74
Land Tenure, Community Development & Contract Farming
dimbab@fss.unimas.my

**Timbalan Dekan**
**(Pascasiswazah & Penyelidikan)**
Prof. Wan Ahmad Zawawi Ibrahim
Ph.D (Monash) 78, B.Sc (Hons) (Monash) 71,
Social Anthropology
izwawawi@fss.unimas.my

**Timbalan Dekan**
**(Prasiswazah dan Pemajuan Pelajar)**
Ahmad Nizar Ya'akub
M. Sc (Waikato) 97, B.A (Hons) (Flinders) 93,
International Relations & Political Sciences
nizar@fss.unimas.my

**Ketua Program**

**Kajian Antarabangsa**
Suseela Devi S. Chandran
M.A (Aust National) 98, B.A (Hons) (UKM) 94,
International Relations & Political Science
csuseela@fss.unimas.my

**Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan**
Wan Sofiah Meor Osman
B. PA (Hons) (UUM) 96, MLRHR (Cleaveland) 2001
Labour Studies & Human Resources
mowsofiah@fss.unimas.my

**Kajian Komunikasi**
Siti Haslina Hj Hussin
MA (Coventry) 98, B.A (Hons) (Layola) 96,
Communication
hhaslina@fss.unimas.my

**Kajian Khidmat Sosial**
Zamri Hj. Hassan
MSWAP (Queensland) 97, B.Sc (Hons) (Airlangga) 91,
Social Welfare Administration and Planning
hzamri@fss.unimas.my

**Perancangan dan Pengurusan Pembangunan**
Prof. Madya Dr. Abdul Mutalip Abdullah
PhD (Newcastle-upon-Tyne) 95 MA (Sheffield) 82, BA (Hons) (Glasgow) 79,
Social Issues, Urban Planning, Housing and Landscape Architecture
aamutalip@fss.unimas.my

**Politik dan Pemerintahan**
Mohd Faisal Syam Abdol Hazis
M.A (UKM) 99, B.Sc (Hons) (Oregon) 97,
Political Science
ahfaisal@fss.unimas.my

**Pensyarah**

Prof Madya Dr Gabriel Tonga Noweg
Ph.D. (Missouri) 94, MS (Uni. of Missouri) 86, BS (Iowa) 84, Dip Forestry (UPM)
Natives and Customatry Rights, Development Planning, Ecotourism & Ethnobotany
gtnoweg@fss.unimas.my

Prof Madya Dr. Spencer Empading Sanggin
Ed.D (North Carolina State) 93, MSc (Iowa) 85 ,B. Sc (UPM) 81
Planning and Management & Education
spencer@fss.unimas.my

Dr. Andrew Charles Bernard Aeria
Ph.D (London) M.A (ISS, The Hague) B.Soc. Sci. (USM)
Sociology & Regional Development Planning
aeria@fss.unimas.my

Dr. Hew Cheng Sim
Ph.D (Royal Melbourne) 00, M.A (UM) 90,
B.Sc (Hons) (Portsmouth) 80,
Gender Studies, Anthropology & Sociology
cshew@fss.unimas.my

Dr. Ling How Kee
Ph.D (Queensland) 01, B.A (Monash) 79,
B. Soc. Work (La Trobe) 81
Social Work & Social Policy
lhkee@fss.unimas.my

Ahi ak Sarok **(cuti belajar)**
M.PA (Queensland) 97, B.PA (Hons) (UUM) 94,
Political Science and Public Sector Management
sahi@fss.unimas.my

Awang Mashabi Awang Mohd
MSHRIR( New York Tech.) B.Sc (Hons) (Lewis U,IL)
Industrial Relations
mmashabi@fss.unimas.my

Awg Ideris Awg Daud
M.A (Minnesota) 97, B.Sc (Hons) (UPM) 88,
Resource Economics, Human Resource & Industrial Relations
adideris@fss.unimas.my

Faizah bt Hj Mas'ud
M.SW (Applied) (Massey U) 97', B.Sc (Hons) (UPM) 93'
Social Work & Human Development
mfaizah@fss.unimas.my

Gillian Raja @ Gill ***(Kontrak)***
M.Sc (London) 76, B.Sc (Hons) (Reading) 74,
Psychology & Social Work
rgill@fss.unimas.my

Jeniri Amir ***(cuti belajar)***
MA (UKM) 99, B. Ed (Hons) (USM) 82,
Writing, Political Communication & History
jamir@fss.unimas.my

Kelvin Egay John
M.Soc. Sc (Waikato) 96, B.Sc (Hons) (Waikato) 94,
Social Anthropology
ejkelvin@fss.unimas.my

Kamsiah Ali
M.A (Wollongong) 98, B.A (Hons) (Concordia) 92,
Sociology
akamsiah@fss.unimas.my

Khadijah Mohd Tuah
M. Buss (Queensland) 98, B. Ed (Hons) (UPM) 96, Advertising & TESL
mtejah@fss.unimas.my
Mohd Suhaidi Salleh
M Employmen Relations, UofCan (2002) B.A (Hons) (UKM) 95,
Anthropology & Sociology
ssuhaidi@fss.unimas.my

Neilson Ilan Mersat ***(Cuti Belajar)***
M.A (UKM) 93, B.A (Hons) (UKM) 90,
Political Science
ineilson@fss.unimas.my

Poline Bala
M.A (Cornell), B.A (Hons) (UM )94,
Asian Studies
bpoline@fss.unimas.my

Siti Zanariah Ahmad Ishak
MMS (Waikato) 98, BA(UM) 90,
Management Communication
aizana@fss.unimas.my

Song Pat Si
M. Buss (Queensland) 98, BA (Massachusetts) 95,
Advertising, Literature/Economics
psong@fss.unimas.my

Stanley Bye Kadam Kiai
M.A (Hull) 90, B.A (Hons) (York) 85,
Sociology of Developing Societies
bstanley@fss.unimas.my

Wan Noor Halizan Wan Zan
MA (Boston) 99, B. Sc (Hons) (Wisconsin-Madison) 95,
International Environmental Affairs & International Relations
zhalizan@fss.unimas.my

**Tutor**

Dolly Paul Carlo
B.Soc.Sc (Hons) (Unimas) 98
Social Sciences(Social Work)
pcdolly@fss.unimas.my

Saiful Bahari Ahmad ***(Cuti Belajar)***
M.A (Waseda) 92, B.A (Hons) (Hiroshima) 89,
Law & Industrial Relations

**Staf Pengurusan / Sokongan**

Penolong Pendaftar
Abu Bakar Ibrahim
B.Soc.Sc (Hons) (USM)

Pembantu Khas
Pasey Lieus
Saripah Ra-biah Wan Mansor

Penolong Pegawai Tadbir (N6)
Nur Khairina Abdullah

Pembantu Tadbir (P/O)
Kamsiah Sabang
Mariati Eshak
Rahimah Daud
Rosmie Tapa

Juruteknik
Hasimah Kedri

Operator Mesin Prosesan Data
Dayang Norhasimah Hj Awang Draman

Pembantu Am
Saji Kentol

## PENCAPAIAN PELAJAR

i) Yaman Bin Hassan (002355)
Anugerah Pelajaran DiRaja - Pingat Jaya Cemerlang
Konvokesyen Sesi 1999/2000

15.

## KALENDAR AKADEMIK SESI 2003/2004 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

| Aktiviti | Tarikh | Tempoh |
|---|---|---|
| Pendaftaran Pelajar Baru | 30 Mei - 31 Mei 2003 | 2 hari |
| Cuti Hari Gawai | 1 Jun – 3 Jun 2003 | 3 hari |
| Minggu Aluan Pelajar | 4 Jun – 6 Jun 2003 | 3 hari |

| SEMESTER 1 | | |
|---|---|---|
| **Aktiviti** | **Tarikh** | **Tempoh** |
| Pendaftaran Pelajar Lama | 9 Jun – 10 Jun 2003 | 2 hari |
| **Perkuliahan** | **9 Jun – 27 Julai 2003** | **7 minggu** |
| Cuti Pertengahan Semester | 28 Julai – 3 Ogos 2003 | 1 minggu |
| **Perkuliahan** | **4 Ogos – 21 Sept. 2003** | **7 minggu** |
| Minggu Ulangkaji | 22 Sept. – 28 Sept. 2003 | 1 minggu |
| Minggu Peperiksaan | 29 Sept. – 12 Okt. 2003 | 2 minggu |
| Cuti Antara Semester | 13 Okt. – 9 Nov. 2003 | 4 minggu |

| SEMESTER 2 | | |
|---|---|---|
| **Aktiviti** | **Tarikh** | **Tempoh** |
| Pendaftaran Pelajar Lama | 10 Nov. – 11 Nov. 2003 | 2 hari |
| **Perkuliahan** | **10 Nov. – 23 Nov. 2003** | **2 minggu** |
| Cuti Pertengahan Semester | 24 Nov. – 30 Nov. 2004 | 1 minggu * |
| **Perkuliahan** | **1 Dis. 2003 – 22 Feb. 2004** | **12 minggu #** |
| Minggu Ulangkaji | 23 Feb. – 29 Feb. 2004 | 1 minggu |
| Minggu Peperiksaan | 1 Mac – 14 Mac 2004 | 2 minggu |
| Cuti Antara Semester | 15 Mac – 21 Mac 2004 | 1 minggu |

| ANTARSESI | | |
|---|---|---|
| **Aktiviti** | **Tarikh** | **Tempoh** |
| Pendaftaran Pelajar Lama | 22 Mac – 23 Mac 2004 | 2 hari |
| **Perkuliahan** | **22 Mac – 16 Mei 2004** | **8 minggu** |
| Cuti Antara Semester | 17 Mei – 31 Mei 2004 | 2 minggu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| * | Cuti Hari Raya Aidil Fitri | - | 25-26 November 2003 (Selasa & Rabu) |
| # | Cuti Hari Krismas- | - | 25 Disember 2003 (Khamis) |
| | Cuti Hari Raya Cina | - | 21-24 Januari 2004 (Rabu, Khamis, Jumaat & Sabtu ) |
| | Cuti Hari Raya Aidil Adha | - | 01 Februari 2004 (Ahad)Cuti Awal Muharram |
| | 21 Februari 2004 (Sabtu) | | |